SRI PELAGAT SDN BHD

lwn.

HSBC BANK MALAYSIA BHD;
MALAYSIAN WETLANDS FOUNDATION (INTERVENER)

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
WAN ADNAN MUHAMAD H
[GUAMAN SIVIL NO: D1-22-616-2001]
19 NOVEMBER 2001

PROSEDUR SIVIL: *Pihak-pihak - Pencelahan - Permohonan untuk mencelah - Keadaan-keadaan dalam mana pencelah yang dicadangkan dibenarkan mencelah - Sama ada mesti mempunyai kepentingan yang berkaitan secara terus dengan hal-perkara tindakan - Sama ada hak pemohon terjejas oleh hasil keputusan tindakan - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 15 k. 6(2)*

Ini adalah permohonan pencelah yang dicadangkan ('Wetlands') untuk mencelah dalam prosiding di antara plaintif dan defendan, iaitu tuntutan perintah injunksi daripada plaintif untuk menahan defendan membuat apa-apa bayaran kepada Wetlands berkaitan dengan suatu bon perlaksanaan. Ia tidak dipertikaikan bahawa bon perlaksanaan tersebut diwujudkan oleh plaintif bagi menafaat Wetlands ekoran perjanjian di antara Wetlands dan plaintif, dan ia juga jelas Wetlands bukan pihak asing dalam pertikaian untuk melaksanakan bon perlaksanaan tersebut.

Diputuskan:

[1] Berdasarkan fakta, pemohon mempunyai kepentingan 'legal interest' dan hak pemohon sama ada 'legal' atau 'commercial' terjejas jika pemohon tidak dijadikan pihak kerana perintah injunksi yang dipohon plaintif ialah untuk menahan defendan daripada melepaskan bon perlaksanaan (hal-perkara tindakan) kepada pemohon. Pemohon sepatutnya dijadikan pihak supaya pemohon mempunyai peluang untuk membantah bagi mempertahankan haknya untuk melaksanakan bon perlaksanaan tersebut. Sehubungan dengan itu, dalam keadaan sebegini, A. 15 k. 6(2) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 memberi budibicara yang luas kepada mahkamah untuk membuat apa-apa perintah supaya kesemua persoalan dalam kes ini diputuskan secara keseluruhan. (ms 371 h & 372 c)

[Permohonan dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Kuala Lumpur Finance Bhd v. Azmi & Co Sdn Bhd & Satu Lagi [1996] 4 MLJ 650 ***(dirujuk)***
Pegang Mining Co Ltd v. Choong Sam & Ors [1969] 2 MLJ 52 ***(dirujuk)***
Soo Hong & Leong Kew Mooi & Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd & Anor [1997] 2 CLJ 548 ***(dirujuk)***
Tohtonku Sdn Bhd v. Superace (M) Sdn Bhd [1989] 1 CLJ 1128; [1989] 2 CLJ (Rep) 575 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 15 r. 6(2)

Bagi pihak plaintif - T/n Winston Ng & Teoh
Bagi pihak defendan - T/n Vaasan Chan & Chandran

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Wan Adnan Muhamad H:

Melalui permohonan saman dalam kamar di Lampiran 7 Malaysian Wetlands Foundation iaitu pencelah yang dicadangkan (Wetlands) memohon kebenaran mahkamah untuk mencelah dalam prosiding di antara Sri Pelagat Sdn Bhd (plaintif) dan HSBC Bank Malaysia Berhad (defendan). Dalam prosiding di antara plaintif dan defendan di Lampiran 1, plaintif menuntut suatu perintah injunksi untuk menahan defendan atau agen defendan membuat apa-apa bayaran kepada Wetlands berkaitan dengan Bon Perlaksanaan (BP) bertarikh 1 Julai 1999, nombor rujukan GTE 332055938331 untuk RM556,187.89 (sila lihat Lampiran 1).

Untuk mendapat gambaran jelas fakta kes ini adalah seperti berikut:

Melalui suatu perjanjian bertarikh 18 Oktober 1999 (perjanjian), Wetlands telah melantik plaintif sebagai kontraktor untuk sebuah projek yang dikenali sebagai "Proposed Resort in Paya Indah Sanctuary, Kuala Langat, Selangor" (Projek).

Berkaitan dengan projek tersebut plaintif mengarah defendan untuk memberikan kepada Wetlands suatu Bon Perlaksanaan (BP) sejumlah RM556,187.89 bagi projek tersebut. BP dilanjutkan sehingga 30 Jun 2000.

Plaintif gagal meneruskan kerja untuk projek tersebut. Akhirnya perjanjian tersebut ditamatkan oleh Wetlands kerana plaintif gagal meneruskan kerja walaupun diminta berbuat demikian.

Pada 16 Februari 2001 berlandaskan peruntukan perjanjian tersebut plaintif membuat tuntutan perlaksanaan BP kepada defendan. Maka timbullah guaman antara plaintif dan Wetlands kes no. D8-22-270-2001. Dalam kes berkenaan plaintif membuat suatu permohonan SDK bagi suatu perintah injunksi menghalang Wetlands daripada membuat panggilan ke atas BP dan juga memohon perintah injunksi terhadap defendan supaya bayaran tidak dibuat atas BP tersebut.

Pada 20 Mac 2001 hari pendengaran permohonan SDK untuk suatu perintah injunksi selepas penghujahan awal dibuat oleh kedua-dua pihak peguam plaintif memohon suatu tarikh lain untuk mendapat arahan kliennya. Pada 11 April 2001 plaintif menarik balik tindakan dan mahkamah membatal tindakan tanpa kos.

Dalam kes bicara no. D1-22-616-2001 plaintif memulakan tindakan guaman terhadap defendan untuk suatu injunksi menahan defendan membayar RM556,187.89 berkaitan dengan BP yang sama.

Kini Wetlands ingin mencelah dalam tindakan guaman D1-22-616-2001 dan plaintif membantah. Fakta kes ini tidak rumit. Adalah tidak dipertikaikan bahawa BP diwujudkan oleh plaintif bagi menafaat Wetlands ekoran perjanjian bertarikh 18 Oktober 1999 di antara mereka. Adalah jelas bahawa Wetlands bukan pihak asing dalam pertikaian untuk melaksanakan BP tersebut.

Lazimnya jika fakta sudah jelas maka prinsip undang-undang tidak kabur. Prinsip undang-undang dalam perkara untuk mencelah dalam prosiding sudah utuh. Walaubagaimanapun izinkan saya membentangkan keratan prinsip tersebut yang selalu disandarkan oleh pihak bertelagah dalam prosiding permohonan mencelah samada oleh pemohon atau pun yang menentang.

Dalam permohonan seperti ini prinsip-prinsip undang-undang yang sedia terpakai terdapat daripada keputusan kes-kes seperti *Pegang Mining Co. Ltd v. Choong Sam & Ors* [1969] 2 MLJ 52, *Tohtonku Sdn Bhd v. Superace (M) Sdn Bhd* [1989] 1 CLJ 1128; [1989] 2 CLJ (Rep) 575, *Soo Hong & Leong Kew Mooi & Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd & Anor* [1997] 2 CLJ 548 (CA).

Oleh kerana fakta amat jelas yang pemohon mempunyai kepentingan 'legal interest' maka persoalan prinsip-prinsip undang-undang terjawab atas test yang disarankan oleh Lord Diplock dalam kes *Pegang Mining Co Ltd v. Choong Sam & Ors (supra)* di laman 55 iaitu:

> will his rights against liabilities to any party to the action in respect of the subject matter of the action be directly affected by any order which may be made in the action.

Hak pemohon samada 'legal' atau 'commercial' terjejas jika pemohon tidak dijadikan pihak kerana perintah injunksi yang dipohon plaintif ialah untuk menahan defendan daripada melepaskan bond perlaksanaan kepada pemohon.

Pada pendapat saya tindakan plaintif berbuat demikian ialah seperti bermain kayu tiga. Sepatutnya pemohon dijadikan pihak supaya pemohon mempunyai peluang untuk membantah bagi mempertahankan haknya untuk melaksanakan bond perlaksanaan (subject matter).

Sehubungan dengan itu, pada hemat saya adalah menjadi hasrat A. 15 k. 6(2) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT), keadaan sedemikian yang akan menimbulkan pertindihan tindakan hendaklah dihindarkan. Dalam hal keadaan sebegini peruntukan KMT di bawah Aturan berkenaan memberi budibicara yang luas kepada mahkamah untuk membuat apa-apa perintah supaya kesemua persoalan dalam kes ini diputuskan secara keseluruhan. (Sila lihat *Kuala Lumpur Finance Bhd v. Azmi & Co Sdn Bhd & Satu Lagi* [1996] 4 MLJ 650).

Setelah saya meneliti hujahan dan otoriti yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak jelas dan nyata pada pertimbangan saya permohonan di L7 haruslah dibenarkan dengan kos.